

NO. SOALAN : 5

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATUK ABD RAHIM BIN BAKRI
[KUDAT]**

SOALAN NO: 5

minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan apakah Kementerian berhasrat untuk menaik taraf ke jalan *asphalt* bagi jalan Narandang Kanibongan, Pitas memandangkan jalan ini memiliki bilangan pengguna yang ramai serta mempunyai sebuah sekolah menengah di kawasan tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, cadangan Projek Naiktaraf Jalan Narandang, Pitas, Sabah tidak tersenarai dalam kelulusan pelaksanaan di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas, RMKe-11. Walau bagaimanapun, projek ini telah tersenarai dalam senarai keutamaan Kerajaan Negeri Sabah dan kementerian ini akan mengangkat semula permohonan bagi pelaksanaan di bawah Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12). Pelaksanaan projek ini juga tertakluk kepada kelulusan oleh Kementerian Hal Ehwal Ekonomi dan kedudukan semasa kewangan Kerajaan.